KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

DOKUMEN STANDARD PRESTASI

PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN

TINGKATAN 1

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketrampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara."

PENDAHULUAN

Dokumen Standard Prestasi bagi mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dibina sebagai panduan untuk guru menambah baik Pentaksiran Sekolah sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid mengetahui dan menguasai perkara yang dipelajari mengikut tahap-tahap pencapaian sebagaimana yang dihasratkan oleh kurikulum mata pelajaran ini.

Dokumen ini diharapkan dapat memberikan maklumat yang lengkap dan tepat kepada guru tentang hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembinaan modal insan yang berteraskan pembangunan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

TAFSIRAN

- **Band** ialah label yang digunakan untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki bagi tujuan pelaporan individu.

- **Standard** ialah pernyataan tentang sesuatu domain yang merujuk tanda aras tertentu dan bersifat generik bagi memberikan gambaran holistik tentang individu.

- **Standard Prestasi** ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur merujuk standard dan menunjukkan kedudukan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan secara menegak (band). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih petunjuk prestasi menggunakan perkataan atau rangkai kata yang betul untuk menggambarkan penguasaan hasil pembelajaran.

- **Deskriptor** ialah pernyataan yang menerangkan perkara yang diketahui dan dikuasai oleh murid berdasarkan standard yang dapat ditaksir dan dicapai.

- **Evidens :**

  Murid - Pernyataan yang menerangkan cara-cara murid melaksanakan perkara yang diketahui dan dikuasai berdasarkan deskriptor.

  Instrumen - Bahan atau apa-apa bentuk bukti yang dapat ditunjukkan oleh murid yang melaksanakan sesuatu tugasan dalam bentuk produk atau proses seperti penulisan, laporan, foto, grafik, artifak, dan lain-lain.

- **Instrumen** ialah alat yang digunakan untuk menguji penguasaan atau pencapaian murid bagi sesuatu domain seperti ujian bertulis, ujian secara lisan, demonstrasi, ujian amali dan lain-lain .

KERANGKA STANDARD PRESTASI

BAND	STANDARD
1	Tahu
2	Tahu dan Faham
3	Tahu, Faham dan Boleh Buat
4	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab
5	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji
6	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali

TAFSIRAN BAND

BAND	PERNYATAAN BAND	TAFSIRAN
1	TAHU	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberikan respons kepada perkara yang asas.
2	TAHU DAN FAHAM	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran dalam satu-satu situasi.
4	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB TERPUJI	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dalam situasi baru, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal dan bersikap positif.
6	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB MITHALI	Murid mampu menzahirkan idea yang kreatif dan inovatif, mempunyai keupayaan membuat keputusan untuk mengadaptasi permintaan serta cabaran dalam kehidupan seharian serta boleh berbicara untuk mendapatkan dan menyampaikan maklumat menggunakan ayat yang sesuai secara bertatasusila dan menjadi contoh secara tekal.

MATLAMAT KURIKULUM SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan bertujuan memberi kesedaran kepada murid tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara untuk melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu padu, patriotik dan boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan dunia.

OBJEKTIF KURIKULUM SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN

Objektif mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan merangkumi tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Objektif Pengetahuan

i. Mengenal pasti ciri-ciri peribadi yang boleh menyumbang terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

ii. Menerangkan peranan dan tanggungjawab keluarga terhadap pembentukan masyarakat yang sejahtera.

iii. Memahami pelbagai agama, tradisi dan budaya masyarakat Malaysia untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera.

iv. Menjelaskan usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang progresif dinamik dan patriotik.

v. Menghuraikan peranan dan tanggungjawab warganegara terhadap pembangunan negara.

vi. Mengetahui cara-cara menangani cabaran dan ancaman yang boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat dan negara.

Objektif Kemahiran

i. Mendisiplinkan diri dalam mencapai wawasan diri dan negara.
ii. Menjalankan tanggungjawab sebagai anggota keluarga untuk melahirkan keluarga yang bahagia.
iii. Berinteraksi dengan anggota masyarakat pelbagai kaum untuk mewujudkan perpaduan negara.
iv. Menangani konflik diri, keluarga dan masyarakat.
v. Bekerjasama dengan anggota masyarakat untuk kebaikan bersama.
vi. Menyertai aktiviti pembangunan masyarakat dan negara.
vii. Mengambil tindakan wajar dalam menghadapi pelbagai situasi.

Objektif Nilai

i. Mempunyai wawasan untuk mencapai kejayaan diri, masyarakat dan negara.
ii. Menghargai sumbangan keluarga dalam membentuk masyarakat yang mapan.
iii. Berbangga terhadap keunikan pelbagai budaya sebagai keistimewaan masyarakat Malaysia.
iv. Menghargai kepentingan alam sekitar dalam meningkatkan kualiti hidup.
v. Bersikap prihatin terhadap anggota masyarakat yang memerlukan bantuan demi kesejahteraan bersama.
vi. Menunjukkan kesedaran sivik dan kewarganegaraan sebagai warganegara yang bertanggungjawab.
vii. Cinta akan negara dan sanggup berkorban untuk negara.
viii. Menunjukkan semangat kekitaan dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian negara dan sejagat.

BAND	PERNYATAAN STANDARD
1	Mengetahui asas identiti diri, keluarga, masyarakat, budaya, kewarganegaraan dan cabaran masa depan.
2	Mengetahui dan memahami identiti diri, keluarga, masyarakat, budaya, kewarganegaraan dan cabaran masa depan.
3	Mengetahui dan memahami identiti diri, keluarga, masyarakat, budaya, kewarganegaraan dan cabaran masa depan serta boleh melaksanakan kemahiran sivik dengan baik.
4	Mengetahui, memahami dan mengamalkan kemahiran sivik dengan dedikasi ke arah membentuk warganegara yang berakhlak mulia bertanggungjawab, patriotik dan bersatu padu.
5	Mengaplikasi pengetahuan serta mengamalkan kemahiran dan nilai sivik secara konsisten ke arah melahirkan warganegara yang bersikap positif, bertanggungjawab, berupaya menyelesaikan masalah dan bersedia menghadapi cabaran.
6	Mengaplikasi pengetahuan serta mengamalkan kemahiran dan nilai sivik secara konsisten sebagai warganegara yang, berakhlak mulia, prihatin, berwawasan, bertanggungjawab, patriotik dan bersedia menyumbang ke arah pembangunan diri, masyarakat dan negara serta boleh diteladani.

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
1 **Tahu**	**B1** Mengetahui asas identiti diri, keluarga, masyarakat, budaya, kewarganegaraan dan cabaran masa depan.	**B1D1** Mengetahui identiti diri	**B1D1E1** Menyatakan biodata diri
		B1D2 Mengetahui latar belakang keluarga	**B1D2E1** Menyatakan latar belakang ahli keluarga.
		B1D3 Mengetahui sejarah sekolah	**B1D3E1** Menyatakan maklumat tentang sekolah.
		B1D4 Mengetahui kepelbagaian cerita dari pelbagai kaum di Malaysia	**B1D4E1** Menyatakan jenis – jenis cerita rakyat dari pelbagai kaum di Malaysia.
		B1D5 Mengetahui identiti negara	**B1D5E1** Menyatakan identiti negara • rukun negara • bendera Malaysia • lagu kebangsaan • bahasa kebangsaan • bunga kebangsaan • jata negara.
		B1D6 Mengetahui jenis cabaran kesinambungan kesejahteraan rakyat	**B1D6E1** Menyatakan jenis cabaran kesinambungan kesejahteraan rakyat • kesedaran sivik • jati diri • empati terhadap golongan kurang bernasib baik • perpaduan kaum kelestarian alam sekitar

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
2 **Tahu dan Faham**	**B2** Mengetahui dan memahami identiti diri, keluarga, masyarakat, budaya, kewarganegaraan dan cabaran masa depan.	**B2D1** Mengetahui dan memahami potensi diri **B2D2** Mengenal pasti kriteria pemilihan rakan sebaya **B2D3** Mengetahui dan memahami tanggungjawab ahli keluarga **B2D4** Mengetahui dan memahami peraturan sekolah **B2D5** Mengenali dan memahami cerita rakyat pelbagai kaum di Malaysia **B2D6** Mengetahui dan memahami corak pemerintahan negara **B2D7** Mengetahui dan memahami kehidupan masyarakat yang sejahtera	**B2D1E1** Menyenaraikan kelebihan dan kelemahan diri. **B2D2E1** Menyenaraikan ciri-ciri pemilihan rakan sebaya **B2D3E1** Menerangkan peranan ahli keluarga. **B2D4E1** Menyenaraikan peraturan sekolah. **B2D4E2** Menyatakan tujuan peraturan sekolah **B2D5E1** Memberi contoh-contoh cerita rakyat yang diketahui **B2D5E2** Menyatakan tujuan cerita rakyat disampaikan **B2D6E1** Menerangkan maksud demokrasi **B2D6E2** Menyenaraikan prinsip-prinsip kerajaan demokrasi **B2D7E1** Menyenaraikan ciri-ciri kehidupan masyarakat yang sejahtera.

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
3 **Tahu, Faham dan boleh buat**	**B3** Mengetahui dan memahami identiti diri, keluarga, masyarakat, budaya, kewarganegaraan dan cabaran masa depan serta boleh melaksanakan kemahiran sivik dengan baik.	**B3D1** Mengembangkan potensi diri.	**B3D1E1** Merancang dan melaksanakan aktiviti peningkatan diri.
		B3D2 Membuat keputusan yang bijak dalam memilih rakan sebaya	**B3D2E1** Mengamalkan **sikap asertif** (berpendirian tegas dalam membuat keputusan dan tindakan) untuk menangani pengaruh rakan sebaya
		B3D3 Bertanggungjawab terhadap ahli keluarga	**B3D3E1** Mengamalkan sikap saling membantu ahli keluarga.
		B3D4 Meningkatkan imej sekolah.	**B3D4E1** Melaksanakan tanggungjawab sebagai murid.
		B3D5 Mengekspresi cerita-cerita rakyat warisan pelbagai kaum.	**B3D5E1** Menceritakan semula cerita rakyat yang diketahui.
		B3D6 Berbangga terhadap sistem demokrasi negara.	**B3D6E1** Menunjukkan perasaan bangga terhadap negara.
		B3D7 Bertanggungjawab dalam menangani cabaran.	**B3D7E1** Menyelesaikan masalah atau cabaran yang dihadapi.

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
4 **Tahu, Faham, Boleh buat dengan beradab**	**B4** Mengetahui, memahami dan mengamalkan kemahiran sivik dengan dedikasi ke arah membentuk warganegara yang berakhlak mulia bertanggungjawab, patriotik dan bersatu padu.	**B4D1** Menetapkan matlamat dan hala tuju yang betul dalam mencapai cita-cita	**B4D1E1** Menunjukkan kesungguhan untuk mencapai cita-cita.
		B4D2 Mengenal pasti teknik penyelesaian sesuatu konflik	**B4D2E1** Menggunakan teknik penyelesaian konflik yang sesuai
		B4D3 Mengamalkan adab dan tatasusila	**B4D3E1** Berkelakuan sopan dan mengamalkan sikap menghormati
		B4D4 Menghormati pelbagai kebolehan dan pendapat dalam komuniti sekolah	**B4D4E1** Menunjukkan cara menghormati pelbagai kebolehan dalam komuniti sekolah **B4D4E2** Bersikap terbuka terhadap pendapat orang lain
		B4D5 Menghargai cerita rakyat pelbagai kaum	**B4D5E1** Mengumpul koleksi cerita rakyat pelbagai kaum
		B4D6 Mengamalkan sistem demokrasi di sekolah.	**B4D6E1** Melaksanakan sistem demokrasi di sekolah
		B4D7 Menghargai kehidupan yang sejahtera	**B4D7E1** Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
5 **Tahu, Faham, Boleh buat dengan Beradab Terpuji**	**B5** Mengaplikasi pengetahuan serta mengamalkan kemahiran dan nilai sivik secara konsisten ke arah melahirkan warganegara yang bersikap positif, bertanggungjawab, berupaya menyelesaikan masalah dan bersedia menghadapi cabaran.	**B5D1** Memanfaatkan kebolehan diri untuk masyarakat	**B5D1E1** Membantu menyelesaikan masalah rakan. **B5D1E2** Memberi sumbangan kepada sekolah
		B5D2 Berupaya menyelesaikan konflik	**B5D2E1** Bertindak menyelesaikan konflik secara rasional
		B5D3 Menghargai ibu bapa dan ahli keluarga	**B5D3E1** Menunjukkan perasaan kasih sayang kepada ibu bapa dan ahli keluarga.
		B5D4 Berbangga terhadap sekolah.	**B5D4E1** Menjaga dan memelihara harta benda sekolah. **B5D4E2** Menceriakan dan mengindahkan kawasan sekolah.
		B5D5 Mengekalkan warisan cerita rakyat	**B5D5E1** Mempersembahkan koleksi cerita rakyat.
		B5D6 Mengekalkan sistem demokrasi secara konsisten di sekolah	**B5D6E1** Menerima pendapat majoriti dalam membuat setiap keputusan
		B5D7 Mengekalkan kehidupan yang sejahtera.	**B5D7E1** Mengambil tindakan wajar dalam menangani pelbagai cabaran

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
6 **Tahu, Faham, Boleh buat dengan Beradab Mithali**	**B6** Mengaplikasi pengetahuan serta mengamalkan kemahiran dan nilai sivik secara **konsisten** sebagai warganegara yang, berakhlak mulia, prihatin, berwawasan, bertanggungjawab, patriotik dan bersedia **menyumbang** ke arah pembangunan diri, masyarakat dan negara serta boleh diteladani. .	**B6D1** Menyerlahkan potensi diri dalam segala aspek **B6D2** Menjaga maruah diri **B6D3** Membalas jasa dan pengorbanan ibu bapa **B6D4** Berkorban untuk meningkatkan imej sekolah **B6D5** Meneladani pengajaran yang terkandung dalam cerita rakyat **B6D6** Berbangga dan menghargai sistem demokrasi di sekolah **B6D7** Berbangga dengan kehidupan yang sejahtera	**B6D1E1** Menunjukkan kejayaan dalam bidang yang diceburi **B6D2E1** Sentiasa mengamalkan sikap positif **B6D3E1** Bertingkah laku mulia ke arah pembentukan keluarga bahagia **B6D4E1** Rela berbakti dan berkhidmat kepada sekolah **B6D5E1** Mengamalkan nilai-nilai murni **B6D6E1** Komited dengan setiap amalan demokrasi di sekolah **B6D7E1** Menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam menangani cabaran